



Jurnal Hadhari 8 (1) (2016) 187-210
ejournals.ukm.my/jhadhari



PENERBIT
UKM
UKM PRESS

REMAJA BERCIANTA: KAJIAN TERHADAP TIGA JENIS SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN, AGAMA DAN AGAMA SWASTA

(Teenagers Love: Research on the Three Types of Secondary School, National, Religious, and Private Religious School)

¹ ZULAIHA ALI OTHMAN

² ROSLAN AHMAD

³ UMI NADZRAH ALI OTHMAN

¹ ZURINA MUDA

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

² Universiti Sultan Zainal Abiddin, Terengganu, Malaysia

³ Institut Pendidikan Guru Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia

ABSTRAK

Remaja bercinta adalah fenomena percintaan antara dua pasangan berlainan jantina di alam persekolahan. Fenomena remaja bercinta yang tidak terkawal boleh membawa kepada permasalahan gejala sosial remaja seperti lari rumah, buang anak, keruntuhan akhlak, dan lemah dalam pelajaran. Kebanyakan kehidupan zaman remaja dihabiskan di alam persekolahan. Di samping peranan ibu bapa, sekolah adalah tempat yang penting untuk memberi pendidikan berkesan terhadap remaja. Selain daripada memberi penekanan terhadap akademik, sekolah juga bertanggungjawab memberi pendidikan tentang isu percintaan dalam kalangan remaja, agar mereka memahami hakikat bercinta. Oleh itu kajian dilakukan terhadap tiga jenis sekolah menengah; sekolah menengah kebangsaan, sekolah menengah agama dan sekolah menengah agama persendirian bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmana remaja bercinta, faktor remaja bercinta dan hubungannya terhadap pencapaian akademik. Sebanyak 431 soal selidik telah diterima dari 6 buah sekolah, 2 sekolah mewakili setiap jenis sekolah. Tiga jenis sekolah ini mempunyai persamaan dari aspek kandungan pembelajaran akademik, persekitaran fizikal seperti kemudahan, sekolah jenis campuran jantina

Corresponding author: Zulaiha Ali Othman, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, mel-e: zao@ukm.edu.my

Diserahkan: 3 Februari 2013

Diterima: 24 Mac 2015

dan guru yang bertauliah. Manakala ia mempunyai perbezaan dari pelaksanaan pendidikan, aktiviti kerohanian dan suasana sekolah yang diwujudkan oleh pihak pengurusan. Hasil dapatan mendapati sekolah menengah agama swasta mempunyai paling kurang peratusan remaja bercinta (<10%) berbanding sekolah menengah agama (50%) dan sekolah menengah kebangsaan (80%). Hasil kajian juga mendapati bahawa remaja bercinta tidak memberi pengaruh terhadap akademik mereka. Kelima-lima faktor seperti diri, rakan, keluarga, media dan internet dikenalpasti mempengaruhi remaja bercinta, bagaimanapun kajian mendapati terdapat perbezaan yang ketara pada jenis sekolah. Hasil kajian dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan pendidikan, jenis aktiviti kerohanian dan suasana sekolah sangat mempengaruhi sikap remaja dan secara tidak langsung memberi kesedaran kepada remaja akan hakikat bercinta yang sebenar dan seterusnya menghindarkan mereka terjebak cinta dalam zaman remaja.

Kata kunci: Remaja bercinta; pendidikan sekolah; gejala sosial

ABSTRACT

Teenagers love is the phenomenon of love between a couple of the opposite sex during their school life. Phenomena of uncontrolled teenagers in love can lead to teenagers social problems such as run away from home, dismissed child, immorality and lack in their studies. Most teenagers' life was spent in school. Despite the parents' roles, school plays an important role to provide an effective education for teenagers. Apart from emphasising on academics, a school is responsible for providing education on an issue of affection among the teenagers, so that they understand the essence of love. Thus, the study of three types of secondary schools: public school, religious schools and private religious school, aims to identify the limitation of teenagers' love, its factors and relationship to the academic performance. A total of 432 questionnaires were received from six schools, two schools representing each type of school. These three types of schools have similarities in terms of academic learning content, physical environment such as facilities, schools' types are mix in gender and qualified teachers, while it has differences in term of educational implementation, spiritual activities and school environment, formed by the school management. Findings shows that private religious schools have the least of the percentage of teenagers in love (<10%) compared to religious school (50%) and public schools (80%). The study also found that the teenagers in love are not affected their academic. All five factors such as the teenager, friends, family, media and Internet are identified could influence the teenagers to be in love; however the study found significant differences in the type of school. The study concluded that the implementation of education, type of spiritual activities and school environment are greatly impact the behavior of teenagers and indirectly could bring awareness to the teenagers the fact of a true love and thus prevent them of getting involve with love in their puberty life.

Keywords: *Teenagers love; school education; social problem*

PENGENALAN

Menurut laporan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam Chairil Ehsan (2007), indeks jenayah rogol telah bertambah sebanyak 16.8 % iaitu 1,471 kes tahun 2003 kepada 1,718 kes pada tahun 2004. Kes ini terus meningkat kepada 1,895 kes pada tahun 2005 seterusnya menjadi 2,238 kes pada tahun 2006. Bagi kes pencabulan kehormatan pula, PDRM telah merekodkan 1,399 kes pada tahun 2003, 1,661 pada tahun 2004 meningkat kepada 1,771 pada tahun 2005 dan pada tahun 2006 terus meningkat kepada 2,023 kes. Berdasarkan statistik yang dipaparkan masalah ini perlu diberi perhatian dan punca keadaan ini berlaku perlu dikaji secara terperinci.

Laporan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN) 2006 menyatakan bahawa aktiviti seksual cenderung berlaku dalam kalangan umur 13-15 tahun manakala remaja berumur 18-20 tahun aktif melakukan hubungan seks. Berdasarkan Laporan Kesihatan Seksual dan Reproduksi Remaja 2003, sebanyak 27 peratus remaja telah mengadakan hubungan seks sebelum nikah. Hasil temubual dengan sekumpulan remaja yang pernah terjerumus dalam pelbagai gejala sosial mendapati bahawa ada remaja berusia 15 tahun mengaku sudah pernah melakukan hubungan seks ketika berusia 10 tahun dan remaja berkenaan berasa megah kerana sudah tiada dara malah mengutuk rakannya yang masih suci (Fuad Hadinata & Shamran 2009).

Khaidzir Ismail et. al (2009) telah menjalankan kajian terhadap remaja perempuan yang bermasalah dan berlatar belakang keluarga bermasalah. Darpada sampel kajian seramai 887 pelajar yang disoal selidik didapati seramai 886 orang mengaku pernah melakukan hubungan seks. Ini bermakna 99.8 peratus telah terlibat.

Menurut Siti Balkis Budin (2007), mutakhir ini penyakit bawaan seks merupakan penyakit yang semakin meningkat sama ada di negara maju, membangun ataupun mundur. Penyakit bawaan seks ini boleh berlaku tanpa mengenal usia dan latar belakang. Penyakit bawaan ini disebabkan oleh infeksi mikroorganisma seperti virus, bakteria ataupun fungus. Komplikasi penyakit bawaan seks lebih teruk berlaku kepada wanita berbanding lelaki.

Semua pihak dinegara Malaysia berusaha menyelesaikan masalah ini dengan menjalankan pelbagai program kesedaran, mewujudkan kelab-kelab sukan dan lainnya yang membawa kepada galakan kepada aktiviti sihat, ceramah, kaunseling dan seumpamanya. Pelbagai pihak termasuk kerajaan, masjid, sekolah dan NGO menyumbang ke arah menyelesaikan masalah gejala sosial ini, tetapi permasalahan sosial masih kian meningkat hari ke hari. Permasalahan gejala sosial remaja menjadi tumpuan kajian kerana mereka inilah yang akan meneraju negara pada masa hadapan. Sekiranya remaja bermasalah bagaimana keadaan negara pada masa akan datang. Ini boleh dilihat dengan apa yang berlaku di negara barat yang kini telah mengalami masalah keruntuhan akhlak yang kesannya meruntuhkan sedikit demi sedikit kemajuan

negara mereka. Sejarah dan pengalaman negara lain amatlah perlu diambil iktibar dalam membawa negara Malaysia ke arah negara maju. Kerajaan sangat berusaha untuk mencapai wawasan 2020 dengan meningkatkan daya saing memajukan negara. Bagaimana pun cita-cita ini sukar dicapai jika peningkatan kemajuan tidak seimbang dengan kemajuan moral masyarakat yang secara realitinya masalah gejala sosial semakin meningkat. Oleh itu permasalahan gejala sosial terutamanya dalam kalangan remaja perlu diambil berat oleh masyarakat bagi membawa Malaysia menjadi sebuah negara yang terbilang dan dihormati.

Pelbagai usaha dibuat untuk mengatasi masalah gejala sosial remaja yang sedia ada dengan menyediakan kaunselor, pusat pemulihan, pusat jagaan anak buangan dan sebagainya. Tetapi ini adalah usaha jangka pendek bagi membantu membendung masalah sedia ada. Kajian mencari punca permasalahan dan mencegah dari punca tersebut adalah lebih berkesan daripada mengatasi masalah yang ada sebagai perancangan jangka panjang. Sepertimana kata seorang penceramah Fadzilah Kamsah *to avoid is better from to cure* bukan *prevention is better than cure* (Fadzilah Kamsah 2011).

Pelbagai faktor telah dikenalpasti membawa punca kepada permasalahan gejala sosial remaja seperti faktor diri, keluarga, kawan, suasana, sekolah, kemiskinan dan kebebasan. Jika dianalisa secara mikro, permasalahan gejala sosial remaja ini adalah diundang dengan adanya permasalahan remaja bercinta secara melulu dan tidak dapat membendung perkara yang dibolehkan atau tidak dibolehkan dalam bercinta, yang menyebabkan mereka terjebak dengan pelbagai masalah sosial yang dinyatakan sebelum ini. Remaja bercinta dalam konteks perbincangan di sini adalah remaja yang bercinta dengan berlainan jenis jantina (lelaki dan perempuan) dan mempunyai hubungan yang intim antara kedua pihak. Faktor remaja bercinta boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman lebih menjurus kepada perasaan yang memang ada dalam hati terhadap kehendak untuk bercinta sebagai fitrah atau naluri yang Allah telah jadikan kepada semua manusia manakala faktor luaran adalah faktor persekitaran dalam kehidupan yang mempengaruhi mereka atas desakan untuk bercinta.

Kajian mendapati bahawa aspek penting yang menghalang remaja bercinta adalah dengan meningkatkan faktor dalaman iaitu dengan memberi kefahaman tentang akhlak, adab, sivik, keagamaan (batasan syarak), tanggungjawab, jati diri dan pendidikan seks. Rumah adalah tempat utama paling baik penerapan faktor dalaman ini, bagaimanapun sekolah adalah tempat kedua penting dalam pembentukan faktor dalaman ini kerana sekolah merupakan tempat dan masa remaja paling banyak dalam kehidupan mereka. Kajian membuat hipotesis bahawa faktor dalaman adalah faktor terbesar kepada remaja bercinta. Perasaan bercinta memang ada dalam diri remaja tetapi pengkaji berpendapat bahawa pengetahuan, kekuatan dalaman dan jati diri amat penting dalam membendung rasa cinta untuk bercinta semasa remaja. Tidak dinafikan faktor luaran juga penting tetapi pengkaji berpandangan bahawa kekuatan dalaman

lebih penting. Ini disebabkan faktor luaran sukar untuk dibendung, mahu tidak mahu remaja ditakdirkan berhadapan dengan realiti luaran yang boleh mempengaruhi remaja bercinta, tetapi dengan adanya kekuatan dalaman dan jati diri yang kuat maka mereka boleh menangkisnya dengan baik.

Kajian lepas mendapati bahawa pelajar yang tidak pandai menguruskan antara percintaan dengan pelajaran dikatakan akan membazirkan masa dan mempengaruhi penumpuan terhadap pelajaran. Akibatnya, boleh menyebabkan kemerosotan prestasi akademik mereka. Kenyataan ini disokong oleh kajian Surianti (2004) terhadap 90 orang mahasiswa dan mahasiswi berumur 19 hingga 23 tahun di UKM yang mendapati corak cinta pragma mempunyai hubungan yang negatif terhadap prestasi akademik. Ini bermakna remaja yang bercinta prestasi akademiknya menurun. Menurutnya lagi, pelajar yang terjebak dalam percintaan hilang tumpuan dan lalai. Ini boleh menggugat prestasi akademik mereka. Kajian Aida Adreana (2005) terhadap remaja di sekolah menengah juga mendapati murid yang bercinta telah merosot dengan ketara kerana mereka telah hilang fokus terhadap pelajaran masing-masing. Menurut Robiah (2006), percintaan terlalu awal akan mengganggu pelajaran dan membuat pelajar terlibat sukar mencapai kecemerlangan. Kajian Margaret Smith dalam Rohimuddin Nawawi (2008) juga dalam Asyraf (2006) menyatakan kemerosotan pencapaian akademik sebanyak 60 peratus mahasiswi yang bercinta, adalah disebabkan fikiran mereka dilanda cinta berahi dan seksual daripada memikirkan mata pelajaran. Apabila putus cinta, fikiran dan emosi akan terganggu dan ini menjejaskan prestasi akademik mereka.

Makalah ini melihat sejauhmana aspek keagamaan memberi impak besar kepada remaja bercinta. Pelajar yang lebih beragama dijangka kurang bercinta disebabkan kefahaman mereka akan hakikat cinta yang dibenarkan dalam konteks Islam. Oleh itu kajian ini melihat perbandingan ke tiga jenis sekolah disebabkan aktiviti bagi ketiga-tiga jenis sekolah adalah berbeza dari sudut perlaksanaannya. Disamping itu juga kajian ini melihat aspek faktor yang mendorong mereka bercinta.

Makalah ini bertujuan membentangkan hasil dapatan tentang remaja sekolah menengah rendah bercinta tetapi lebih fokus kepada pendidikan di sekolah. Kajian melihat sejauhmana remaja iaitu pelajar sekolah menengah rendah bercinta, adakah remaja bercinta mempengaruhi pelajaran mereka dan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan pelajar bercinta di antara sekolah menengah rendah kebangsaan, sekolah menengah agama kerajaan dan sekolah menengah agama persendirian. Makalah ini juga membincangkan ciri ketiga-tiga jenis sekolah ini dari segi subjek keagamaan yang ditawarkan, kaedah pengajaran dan pendidikan keagamaan di sekolah dan suasana di sekolah tersebut yang menerapkan pembentukan faktor dalaman remaja untuk bercinta. Seterusnya memaparkan, membincangkan hasil dapatan terhadap ketiga-tiga jenis sekolah tersebut serta membuat kesimpulan dan cadangan kajian masa hadapan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Remaja Bercinta

Dewasa ini, remaja sekolah menengah semakin ramai bercinta pada peringkat usia yang begitu awal. Adalah didapati bahawa perlakuan cinta remaja yang jauh menyimpang ini kian berleluasa yang akhirnya menimbulkan pelbagai masalah lain dalam kalangan remaja. Saban hari isu remaja mengandungi angkara teman lelaki, *date rape* (M Sorihin Othman 2009), pembuangan bayi (Nur Sharieza & Hasniza Hussain 2010), remaja lari dari rumah kerana mengikut teman lelaki, (Khairi Mohamad 2009; Luqman Hakim Ab Rahim 2009; Azlan Hafeedz 2008) pergaduhan sehingga meninggal dunia perebutan teman wanita (Umathi Ramayah 2009; Mohd Zainudin Surip 2009) bersekedudukan walaupun belum bernikah (Mohamad Sofee 2009a; Ramli Hussin 2009) dan menyerahkan kehormatan diri (Mohamad Sofee 2009b) demi cinta kerap dipaparkan dalam berita perdana atau akhbar tempatan.

Kajian oleh Aida Adreena (2005) terhadap remaja di sekolah menengah, mendapati murid yang bercinta telah merosot dengan ketara dalam pelajaran kerana mereka telah hilang fokus terhadap pelajaran masing-masing. Menurut Robiah (1997), bercinta pada usia terlalu muda remaja mudah terperangkap dalam cinta yang tidak matang dan menjadi penjenayah seks. Akibat yang lebih buruk percintaan terlalu awal ialah pelajaran terganggu dan sukar mencapai kecemerlangan (Robiah 2006). Isu inilah yang akan dikupas oleh pengkaji untuk mengetahui sejauh mana cinta di alam pesekolahan memberi kesan terhadap pencapaian akademik kepada murid awal remaja.

Murthy et al. (1996), mengatakan cinta selalunya disalahanggap menyebabkan kajian mengenai cinta tidak mengalakkan. Menurutnya lagi kajian cinta tidak menggunakan definisi yang sama bagi menerangkan fenomena berkenaan. Realiti hari ini percintaan di alam persekolahan sering diperkatakan. Jas Laile Suzana (2008) menyatakan percintaan menimbulkan konflik remaja dengan ibu bapa, ini kerana ibu bapa berpendapat bahawa pencapaian pendidikan menjamin pencapaian sosioekonomi anak-anak. Ini mendorong sesetengah ibu bapa menetapkan matlamat yang terlalu tinggi, para remaja pula harapan ibu bapa merupakan satu tekanan. Konflik ini dimanifestasikan dengan cara remaja menghabiskan masa bersama rakan sebaya di luar rumah. Dalam sesetengah kes, para remaja akan memperlihatkan satu pencapaian yang lemah sebagai penentangan emosi terhadap tekanan ibu bapa.

Keadaan konflik ini, dapat disokong dengan kajian Alden et al. (1995) yang melaporkan bahawa remaja yang tinggal bersama ibu tunggal, bapa tunggal atau nenek dan datuk lebih cepat memulakan hubungan cinta dengan remaja berlainan jenis. Sebaliknya remaja yang menerima perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa mereka lebih cemerlang dalam akademik dan lambat melibatkan diri dalam hubungan cinta. Kajian Sufean & Che Zainon (2002) terhadap remaja daripada

keluarga tunggal, masalah yang paling ketara ialah masalah kasih sayang dan yang berkaitan dengan teman wanita atau lelaki dan bimbang akan gagal dalam percintaan. Hasil temubual pengkaji dengan beberapa orang pelajar mendapati mereka yang bercinta menyumbang kemerosotan dalam pelajaran dan ada kaitan dengan keadaan keluarga seperti mangsa penceraian. Merujuk data 2009 yang diperolehi ketika lawatan pada 7 Jan 2010 daripada Unit Perundangan Keluarga, Bahagian Undang-undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) terdapat 5703 aduan pada tahun 2008 dan daerah Kelang menunjukkan kadar tertinggi (28%).

Perspektif Cinta

Menurut Kamus Dewan (2005), cinta adalah sebagai perasaan atau berperasaan sangat sayang kepada negara, orang tua, kebebasan atau ingin sangat akan sesuatu, terlalu rindu, asyik kepada antara lelaki dan perempuan. Hasan Kasan (2000), mentakrifkan cinta sebagai satu perasaan jiwa, sentuhan hati dan dorongan dari dalam diri yang dialami oleh orang yang mengasihi terhadap orang yang dikasihi dengan emosi yang tinggi dan perasaan yang halus.

Fadzilah Kamsah & Syaidatun Nazirah (2008) mengatakan cinta adalah pertalian kasih sayang merangkumi aspek spiritual, emosi, fizikal, intelektual dan sosial antara individu yang terlibat. Menurutnya lagi cinta merupakan kemahuan, keasyikan, tarikan, kerinduan dan keresahan yang wujud daripada keterikatan perasaan kepada seseorang. Khairul Ghazali (2009) mendefinisikan cinta ialah satu kesedaran jiwa psikologi, emosi serta perasaan sepenuh hati dan luahan sentimental atau romantik daripada hati pencinta terhadap kekasihnya dengan sepenuh perasaan, asmaradana dan kegembiraan. Oleh itu orang yang sedang dilamun cinta akan terlupa pada dunia lain kerana apa yang ada di dalam kesedaran dirinya hanya cinta kepada sesuatu yang menjadi idaman hatinya.

Memiliki kekasih ketika usia remaja bukan sesuatu yang mengejutkan. Ini adalah senario biasa kerana ketika usia meningkat 14 tahun dan 15 tahun, remaja sudah mula tertarik antara satu sama lain. Kemudian masing-masing mula memasuki alam percintaan dan berasa senang apabila berpasangan ketika berusia 16 tahun ke atas. Kajian Girlguiding UK dalam Mohamad Sofee (2009a) mendapati remaja bawah 14 tahun percaya pengaruh majalah, laman web dan rakan memberitahu tentang seksual. Maka apabila dikaitkan setelah melangkah ke alam remaja, mulalah perasaan cinta berputik dalam hati. Biasanya, perasaan cinta ini bukan diundang, tetapi wujud begitu sahaja sudah menjadi sinonim dalam kalangan remaja.

Realiti hari ini sudah menjadi *trend* bercinta ketika masih bersekolah yang akhirnya menimbulkan pelbagai implikasi. Sebenarnya terdapat pelbagai definisi cinta dan sangat sulit untuk mendefinisikan dengan jelas. Pengkaji ingin memaparkan definisi cinta dari sudut sarjana Islam dan sarjana Barat. Kepelbagaian takrif cinta ini sebagai wadah untuk mengenali dan memahami hakikat cinta.

Cinta Dari Persepektif Islam

Cinta merupakan sebahagian daripada fitrah kejadian manusia (Ibnul Qayyim 2003a), telah menjadi subjek bahan kajian manusia di dunia sama ada pengkaji Islam mahu pun pengkaji Barat. Setiap pengkaji menggunakan pendekatan yang berbeza tetapi ini tidak bermakna hasil kajian mereka tidak boleh diterima pakai oleh sesuatu pihak. Ini kerana antara dua pendekatan iaitu pendekatan Islam dan Barat sama-sama mengkaji perkara yang berkaitan dengan manusia yang telah diciptakan oleh Allah SWT. Justeru itu cinta merupakan pertalian kasih sayang yang merangkumi spiritual, emosi, fizikal, intelektual dan sosial (Fadzilah Jabar 2006).

Cinta merupakan perasaan halus di dalam hati yang membawa kebaikan (Muhammad al-Ghazali 2008). Ibnul Qayyim al-Jauziah (2003b), mengkategorikan dua jenis cinta sama ada cinta sejahtera atau cinta nafsu. Cinta hakiki atau cinta sejati membawa kesejahteraan, iaitu perasaan jiwa, kegembiraan, ketenangan dan pengharapan pada sesuatu, iaitu cinta kepada Maha Pencipta. Ini termasuk bukan sahaja cinta kepada Allah tetapi juga cinta Rasulullah, cinta ibu bapa dan cintakan ilmu. Manakala cinta nafsu jika tidak mengikut landasan syariat akan tersasar dan menyeleweng yang mengakibatkan pelbagai masalah wujud. Menurutnya lagi tingkatan cinta paling tinggi ialah tatayyum iaitu hakikat penyembahan dan perhambaan kepada yang dicintai sebagai hamba Allah.

Menurut Abdūllah Nāsīh Ulwān (1989, 2007), al-Quran telah mengiktiraf cinta yang bersemi dalam seseorang individu dan telah menggariskan kepada tiga peringkat cinta, iaitu cinta paling agung, cinta pertengahan dan cinta paling hina. Cinta yang paling agung ialah cinta kepada Allah dan Rasul dan berjihad pada jalan Allah. Cinta pertengahan ialah cinta dan kasihkan ibu bapa, anak-anak, saudara mara, suami, isteri dan juga kaum kerabat manakala cinta paling rendah nilainya ialah terlalu mencintai dan mengasihi kaum kerabat dan harta benda melebihi daripada kasihkan Allah dan rasul-Nya serta jihad pada jalan Allah. Hati seseorang yang mengenal cinta akan tertarik kepada yang dicintainya dengan penuh perasaan dan kegembiraan. Cinta seperti ini adalah merupakan perasaan semula jadi yang sentiasa menjadi sifat-sifat manusia. Manusia yang telah mula tersangkut cintanya selalunya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai segala keinginannya. Hakikat cinta ada hubung kaitnya dengan wujudnya ketamadunan serta hal ehwal kehidupan manusia. Sekiranya tidak ada cinta maka tidak wujudnya ketamadunan manusia.

Cinta adalah faktor asas sebagai penyambung kehidupan manusia yang terdiri pelbagai bangsa. Cinta yang elok bentuknya merupakan ikatan yang paling kukuh untuk membentuk kekeluargaan, menyatupadukan masyarakat dan mewujudkan keselamatan dan keamanan di seluruh pelusuk bumi. Hakikat cinta dan kasih sayang berdasarkan keimanan membentuk segala keajaiban yang telah melahirkan ciri kemuliaan dan ketinggian yang telah dibuktikan oleh masyarakat terdahulu.

Ahmad Nashib al-Mahamid (2002), kata cinta dan kasih sayang ialah ‘*al-Hub*’ atau *al-Hibb* terdapat tidak kurang 80 tempat disebut dalam al-Quran dengan tujuan dan arahan yang berbeza-beza. Muhsin Labib (2004) dari segi istilah ‘*al-Hubb*’ bererti inti hati dan cinta ini membawa maksud luapan hati yang merindui kekasih. Cinta dianugerahkan oleh Allah untuk hamba-Nya dan cinta dipersembahkan hamba untuk Tuhannya. Cinta hamba kepada Allah dapat mendekatkan diri kepada rahmat dan ampunanNya, mendapat keredhaan-Nya dan balasanNya atas amal soleh dengan balasan yang berlipat ganda. Cinta Allah mendorong untuk berjihad di jalan Allah, berbuat baik, bertaubat, menyucikan diri, bertaqwa, bersabar dan bertawakkal hanya kepada-Nya.

Said Hawa (2008), mengatakan cinta bukanlah hanya sekadar slogan namun ianya suatu yang harus diwujudkan dan dimulai dengan mencintai Allah dan rasulNya dan mencintai orang-orang yang beriman seperti mana dalam hadith al-Qudsi yang bermaksud “Wajib cintaku bagi orang-orang yang menyintaiku dan saling menyintai keranaku, saling menolong di dalam jalanku dan saling berkorban untukku”.

‘Aidh Abdullah al-Qarni (2006), menyatakan cinta sejati ialah berusaha menjadi kekasih Allah agar mendapat kebahagiaan, dan orang yang paling berbahagia adalah orang yang menjadikan tujuan utamanya dan matlamatnya adalah mencintai Allah. Syeikh Mutawally Sya’rawi (2006) pula menyatakan bahawa mabuk cinta adalah cinta yang tidak boleh dipisahkan dari hati seperti seseorang yang berhutang sentiasa berfikir tentang hutangnya. Murninya cinta ialah cinta kepada Allah sehingga sampai ke lubuk hati. Manifestasi kecintaan ini ialah mereka akan patuh perintah Allah, mengutamakan ketaatan kepadaNya dan mengharap keredhaan-Nya.

Kesimpulannya, Islam sebagai agama yang suci mengiktiraf cinta ini kerana ia merupakan fitrah semula jadi manusia, maka tidak syak bahawa cinta yang dianugerahkan mempunyai hikmat yang jelas. Maka dapat dirumuskan bahawa cinta yang utama dalam Islam ini terbahagi kepada empat (Ku Muhamad & Nor Syahida 2009) iaitu cinta kepada dirinya sendiri, cinta manusia sesama manusia, cinta manusia kepada Allah dan cinta manusia kepada Rasul.

Cinta Menurut Persepektif Barat

Psikologi cinta Barat menyatakan cinta adalah hubungan unik sesama manusia yang menggambarkan sikap saling memerlukan antara satu sama lain bagi memenuhi kebahagiaan hidup di dunia (Fadzilah Kamsah & Syaidatun Nazirah 2008). Menurut Laswell & Lasswell (1976), cinta merupakan perasaan, emosi dan kognisi. Beliau berpendapat cinta tidak boleh dilihat dengan mata tetapi dengan fikiran dan cinta juga merupakan kehidupan. Plato adalah ahli falsafah terkenal yang mula-mula mengkaji tentang cinta. Beliau menggunakan psikologi moral dan teori manusia serta jiwa untuk mencari asal usul cinta untuk kesempurnaan kehidupan manusia.

Hendrick, C & Hendrick S.S (1986) mengklasifikasikan cinta kepada enam corak iaitu *Eros, Ludus, Storge, Pragma, Mania* dan *Agape*. *Eros* juga dikenali cinta romantik, Sternberg (1994). Freedman dan Carlsmith (1981) cinta *Eros* mengandungi unsur-unsur seperti kedekatan *proximity*, kemesraan *warmth*, tarikan fizikal *physical attractiveness*, ganjaran *rewardingness* dan persamaan *similarity*.

David dan Jonathan (1985), mengatakan cinta romantik merupakan cinta pandang pertama. Ini bermaksud berlaku satu daya tarikan jasmani di antara seorang individu dengan individu yang lain. Rubin (1973), pula menyatakan cinta romantik ini adalah perasaan mendalam yang dicurahkan kepada orang lain dan kebolehan berkomunikasi di antara mereka.

Faktor Remaja Bercinta

Faktor remaja bercinta dikenalpasti daripada pelbagai teori cinta. Diantaranya adalah teori Tipologi cinta, Teori Segitiga cinta, teori cinta Maslow, teori erikson, teori ekologi bronfenbrenner dan teori cinta dalam perspektif Islam. Menurut Teori Erikson dalam Jas Laile Suzana (2008), terdapat 8 tahap kehidupan iaitu: Percaya lawan tak percaya, Autonomi lawan ragu-ragu, insiatif lawan rasa bersalah, industri lawan rasa rendah, identiti lawan keliru, intimasi lawan isolasi, generativiti lawan penyerapan sendiri dan, keutuhan lawan putus asa. Ia menakrifkan wilayah cinta bukan sahaja hubungan kekasih tetapi orang tua, jiran tetangga, sahabat dan lain-lain.

Teori Abraham (1970) pula menjelaskan bahawa seseorang individu perlukan kasih sayang dan cinta. Jika mendapat cinta dan kasih sayang sempurna seseorang akan melalui pertumbuhan yang baik. Maka keluarga adalah menjadi faktor kepada percintaan. Faktor lain dapat dilihat daripada Teori Ekologi Urie Bronfenbrenner (2005), Berk (2007). Teori ini menjelaskan perkembangan baik pada kanak-kanak daripada 5 sistem persekitaran. Mikrosistem 'persekitaran paling hampir dengan kanak-kanak ibu bapa, rakan, jiran dan lain-lain', Mesosistem 'interaksi sosial dalam Mikrosistem', Ekosistem 'Pengalaman dengan persekitaran', Makrosistem 'Perkembangan individu pengaruh norma, nilai dan budaya masyarakat' dan Kronosistem 'Perubahan yang berlaku pada suatu tempoh'.

Teori Ekologi pula meneliti percintaan dalam kalangan remaja dipengaruhi oleh keadaan individu atau persekitaran seperti kualiti keluarga remaja tersebut. Cara ibubapa berkomunikasi memainkan peranan penting dalam pembentukan kanak-kanak. Dalam Teori Circumplex Model of Marital and family system oleh David & Jonathan (1985), menjelaskan tiga dimensi utama: kejelekitan, kebolehubahsuaian dan komunikasi. Teori ini dapat mengenalpasti kualiti keluarga dengan remaja. Teori Tipolog pula mengidentifikasikan 6 corak cinta manakala Hendrick et. al. (1998) mengenalpasti 6 jenis cinta yang lain. Bagaimana pun kajian ini fokus kepada jenis cinta yang dikenalpasti oleh Hendrick.

Daripada analisa kajian lepas mendapati terdapat banyak faktor menyebabkan remaja bercinta yang boleh dikategorikan kepada faktor diri, keluarga, kawan, media masa dan internet. Faktor diri dibahagikan kepada dua: Faktor diri yang pertama adalah faktor fitrah. Secara fitrahnya manusia mempunyai dorongan ingin bercinta tetapi desakkan ingin bercinta itu berbeza diantara satu dengan yang lain, atau dengan kata lain keupayaan mengurus perasaan cinta bagi seseorang itu berbeza antara satu sama lain. Sifat ingin bercinta yang Allah berikan kepada hambannya adalah satu rahmah bagi menyerlahkan kehidupan yang penuh kebahagiaan. Faktor diri kedua pula adalah faktor yang terbina daripada faktor luaran seperti faktor kawan, keluarga, media masa, internet, dan sebagainya. Faktor luaran ini adalah hasil daripada pembacaan, penglihatan, pengalaman, persekitaran dan pengamatan. Faktor diri adalah tunjang kepada remaja bercinta. Oleh itu kefahaman kepada hakikat cinta adalah penting membolehkan seseorang itu tahu bagaimana cinta itu disalurkan dengan sebenar dan mengikut apa yang dikehendaki oleh Allah. Remaja tahu bagaimana menguruskan perasaan cinta dan bagaimana cinta perlu disalurkan dengan sebenarnya. Dengan kefahaman ini maka remaja tidak mudah terjebak kekacauan gejala remaja bercinta yang berlaku pada masa kini. Seksyen sebelum ini telah membincangkan perspektif cinta dalam Islam dan barat.

JENIS-JENIS SEKOLAH DI MALAYSIA

Malaysia mempunyai dasar pembelajaran sekolah yang terbuka. Oleh itu terdapat banyak sekolah dibangunkan mempunyai pelbagai kaedah yang tersendiri daripada sekolah tadika hinggalah ke Universiti. Bagaimana pun ianya mestilah memenuhi Dasar Pembelajaran Malaysia yang ditetapkan. Sekolah menengah rendah boleh dikategorikan kepada pelbagai jenis, antara yang terkenal ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Persendirian (Swasta)(SMAS), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, Maktab Rendah Sains MARA, Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Agama Negeri, Sekolah Menengah Berasrama Penuh dan Sekolah Menengah Persendirian.

Kajian ini berfokuskan terhadap 3 jenis sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan adalah sekolah yang disediakan oleh kerajaan di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia. Terdapat beribu sekolah di Malaysia dibawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama boleh dibahagikan kepada 2 jenis. Iaitu sekolah yang di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia atau sekolah dibawah pentadbiran kerajaan negeri seperti Maahad. Sekolah Menengah Persendirian adalah sekolah yang dimiliki oleh perseorangan, organisasi atau NGO yang bukan milik kerajaan. Terdapat pelbagai konsep yang diketengahkan oleh SMA ini, bagaimana pun ia tetap tidak menyalahi daripada prinsip dan peraturan pengendalian yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya kandungan pembelajaran yang telah ditetapkan.

Pada dasarnya peperiksaan PMR, STAM, SPM adalah digunakan bagi menilai pencapaian piawai akademik antara pelajar.

Di Malaysia ketiga-tiga jenis sekolah ini mempunyai persamaan dan perbezaan dalam pelbagai konteks seperti dalam subjek yang dipelajari, pelaksanaan pendidikan agama dan moral, suasana pembelajaran di sekolah dan aktiviti kerohanian yang dijalankan disekolah tersebut yang mempengaruhi pembentukan faktor dalaman. Pelbagai faktor lain seperti paras pendidikan keluarga, gaya hidup keluarga dan persekitaran, jumlah bilangan guru dan pentadbiran sekolah, dan lain-lain lagi boleh mempengaruhi pembentukan faktor dalaman pelajar yang tidak menjadi fokus dalam kajian ini. Terdapat persamaan dan perbezaan ketiga-tiga jenis sekolah dalam beberapa aspek seperti subjek yang ditawarkan, pelaksanaan pendidikan agama dan moral disekolah, suasana pembelajaran disekolah, aktiviti kerohanian dan kemudahan.

Sekolah SMRK/SMK menawarkan subjek seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, Pendidikan Islam dan Geografi. Pencapaian mata pelajaran dinilai dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Penilaian pendidikan deeniah ini dinilai dalam peperiksaan menengah agama yang dikenali sebagai Sijil Menengah Agama (SMA) yang dikendalikan dibawah jabatan pendidikan negeri masing-masing. Manakala, SMKA menawarkan mata pelajaran yang sama dengan SMK tetapi mempunyai subjek tambahan dalam mata pelajaran pendidikan islam merangkumi 4 bidang iaitu ibadah, tauhid, sirah dan al-Quran. Walau bagaimanapun kandungan pendidikan agama (*Diniah*) yang lebih mendalam di SMKA dan SMAS merangkumi 11 mata pelajaran seperti tauhid, bahasa arab, sirah, muamalat, munakahat, tafsir al-quran, hadis, nahu, akhlak dan lain-lain. Dari sudut kandungan silabus mata pelajaran pendidikan islam di SMKA dan SMAS adalah sama.

Dari aspek pelaksanaan pendidikan agama dan moral pula, masa yang diperuntukkan di SMK adalah 4 waktu iaitu bersamaan 2 jam 40 minit seminggu. Manakala di SMKA dan SMAS pula mengambil masa 17 waktu yang bersamaan 10 jam 40 minit seminggu. Aktiviti pembelajaran di kelas atau diluar kelas di SMRK/SMK dan SMKA adalah bercampur antara lelaki dan perempuan dengan purata pelajar di sekolah antara 35-40 orang. Manakala di SMAS, aktiviti kelas dan sekolah kebanyakannya berasingan kecuali dalam aktiviti ceramah umum atau penyampaian hadiah dengan jumlah pelajar per kelas sama seperti sekolah jenis yang lain.

Perbezaan yang ketara antara jenis sekolah adalah dari sudut aktiviti kerohaniannya. Secara umumnya aktiviti kerohanian di SMK bergantung kepada pihak pentadbiran sekolah, namun pada pada dasarnya aktiviti tersebut dilaksanakan oleh persatuan agama islam yang dikendalikan dalam kegiatan ko-kurikulum selama 2 jam seminggu. Disamping itu aktiviti kerohanian bersempena hari kebesaran Islam juga dilaksanakan seperti hari maulidur rasul, ihya ramadhan, dan lain-lain. Seseengah sekolah juga menjalankan aktiviti kerohanian tambahan seperti

ceramah, kem ibadah, solat hajat, motivasi dan lainnya yang bersifat tidak berkala. SKMA mempunyai aktiviti yang serupa dengan SMK tetapi sekolah ini mewajibkan solat berjamaah, tadarus dan qiam bersama-sama. Lebih ramai ustaz dan ustazah mengendalikannya program kerohanian seperti ini berbanding SMK. Di SMAS aktiviti kerohanian adalah lebih banyak dan terpantau berbanding di SMKA. Ia juga menyediakan sistem mentor mentee yang menjalankan perjumpaan secara berkala, mengadakan ceramah keagamaan yang berkala pada setiap Sabtu atau Ahad dan lebih banyak menyediakan kem ibadah berkala yang lebih kerap yang dikendalikan oleh inisiatif guru sekolah. Jika dilihat disudut kemudahan sekolah, SMAS jauh lebih kurang kemudahan berbanding SMKA dan SMK.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan mengikut kaedah penyelidikan piawai yang terdiri daripada pengenalan pastian permasalahan kajian daripada kajian kesusasteraan tentang teori cinta daripada perspektif Barat seperti yang dibincangkan dalam seksyen sebelum ini, kepada penghasilan objektif kajian. Seterusnya, instrument soal selidik dibangunkan bagi menjawab persoalan kajian dan kajian rintis dijalankan di sebuah sekolah menengah kebangsaan satu daripada sebuah SMK yang dipilih. Soal selidik sebenar diedarkan kepada pelajar secara bimbingan yang mana pelajar dikehendaki mengisi soal selidik di masa kelas dijalankan. Seterusnya hasil soal selidik dianalisis menggunakan kaedah statistis yang asas iaitu purata, kekerapan dan peratusan.

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar Melayu yang beragama Islam sahaja, kerana kajian ingin melihat adakah faktor kefahaman dalam keagamaan akan mempengaruhi hasil kajian. Kajian juga hendak mengenalpasti bahawa remaja yang mempunyai kefahaman yang mendalam terhadap konsep cinta dalam perspektif Islam atau memahami Islam secara tidak langsung mempengaruhi remaja bercinta. Islam mengariskan perspektif cinta yang sebenarnya dan bagaimana perspektif cinta ini di terjemahkan dalam kehidupan. Oleh itu, fokus kajian ini adalah kepada remaja yang dikelaskan sebagai pelajar sekolah menengah rendah. Faktor luaran yang paling mempengaruhi remaja bercinta di alam persekolahan adalah suasana pendidikan yang diperoleh, faktor keluarga, rakan, media-masa dan Internet. Oleh itu kerangka kajian melihat 3 aspek asas iaitu pengendalian pembelajaran di ketiga-tiga jenis sekolah yang dibincangkan dalam seksyen sebelum ini. Manakala faktor luaran diperoleh daripada soal selidik. Hubungan antara remaja bercinta dengan faktor diri dinilai secara tidak langsung dengan memahami persamaan dan perbezaan ketiga-tiga jenis sekolah ini dalam aspek subjek/mata pelajaran yang ditawarkan, suasana pembelajaran, aktiviti kerohanian, pelaksanaan pendidikan agama dan moral serta kemudahan.

Sampel Kajian

Sebanyak 432 maklum balas responden diterima daripada 500 soal selidik yang diedarkan. Borang soal selidik ini telah diedarkan kepada 5 buah sekolah yang

dikategorikan kepada 3 jenis sekolah: Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Agama dan Sekolah Menengah Agama Persendirian. Tiga daripada sekolah yang dipilih daripada ketiga-tiga jenis ini adalah berlokasi di Klang. Ini kerana berdasarkan interview bersama JAIS, Klang merupakan kawasan tertinggi permasalahan keluarga. Tiga sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Ibnu Khaldun sebagai sekolah agama persendirian, Sekolah Kebangsaan Hishamuddin, Klang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Shahbandaraya Klang. Dua lagi sekolah adalah Sekolah Agama Mahaad di Johor iaitu Sekolah Menengah Agama Shamsudiniah, Kundang Ulu Muar, Johor yang dikategorikan sebagai sekolah menengah agama dan yang terakhir adalah sekolah menengah agama swasta iaitu Sekolah Maahad Tarbiyah Islamiah di Perlis yang dikategorikan sebagai sekolah agama persendirian kerana mempunyai subjek dan kaedah pengajaran yang sama.

Instrumen Kajian

Soal selidik terdiri daripada 2 bahagian utama: Bahagian pertama adalah tentang demografi termasuk pendidikan, pencapaian akademik dan sama ada pernah bercinta atau tidak. Bahagian kedua adalah soalan yang menggambarkan faktor mengapa pelajar remaja bercinta termasuk faktor diri (6 soalan), keluarga (4 soalan), rakan (5 soalan) dan media-masa (5 soalan). Data dianalisis menggunakan kaedah asas statistik analisis yang disediakan dalam perisian statistik SPSS version 8.

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Demografi Responden

Daripada sejumlah 432 responden yang diterima, seramai 223 orang (52 %) adalah lelaki dan 209 orang (48 %) adalah perempuan. Manakala jumlah taburan responden antara ketiga jenis sekolah juga sekata seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Seramai 121 responden daripada SMK, 159 SMKA dan 152 SMAS.

JADUAL 1 Carta menunjukkan taburan peratusan responden antara jenis sekolah

Jenis Sekolah	Jumlah	Peratus
SMK	121	28%
SMKA	159	37%
SMAS	152	35%

Taburan responden antara lelaki dan perempuan ketiga-tiga jenis sekolah juga adalah sekata sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2. Jadual 2 menunjukkan peratusan responden lelaki dan perempuan masing-masing di SMK sebanyak 54% dan 46%, di SMKA 52% dan 48% dan di SMAS 50%.

JADUAL 2 Taburan Respondan Pelajar Lelaki dan Perempuan di setiap Jenis Sekolah

Jenis Sekolah	Lelaki	(%)	Perempuan	(%)	Jumlah
SMK	65	54%	56	46%	121
SMKA	82	52%	77	48%	159
SMAS	76	50%	76	50%	152
Jumlah	223	52%	209	48%	432

Sejauh mana Remaja Bercinta

Hasil dapatan mendapati bahawa peratusan pelajar bercinta adalah tinggi berbanding dengan yang tidak bercinta. Seramai 284 responden mengaku bercinta, ini bererti sebanyak 66% remaja menengah rendah bercinta. Remaja yang tidak bercinta 44% iaitu seramai 147 orang. Rajah 3 menunjukkan peratusan remaja bercinta di ketiga-tiga jenis sekolah. Sebanyak 86% remaja SMK bercinta, 80% SMKA bercinta, manakala sebanyak 25% remaja SMAS bercinta.

JADUAL 3 Peratusan Remaja Bercinta Mengikut Jenis Sekolah

Jenis Sekolah	Jumlah Bercinta	Peratus Bercinta	Tidak Bercinta	Peratus Tidak Bercinta
SMK	104	86%	17	16%
SMKA	127	80%	32	20%
SMAS	38	25%	114	75%
Jumlah	284	66%	148	44%

Rajah 3 menunjukkan remaja di SMK lebih ramai bercinta berbanding pelajar di SMKA, begitu juga pelajar di SMKA lebih ramai bercinta berbanding dengan SMAS. Bagaimanapun peratusan remaja bercinta di SMK dan SMKA dikatakan tinggi berbanding dengan SMAS, dan perbezaan peratusan remaja bercinta SMK dan SMKA bercinta hanya 6% sahaja.

Analisis perbezaan antara kedua sekolah ini, mendapati secara asasnya perbezaan antara SMK dan SMKA adalah dari sudut subjek yang ditawarkan. Pelajar SMKA lebih banyak mengambil subjek agama yang meliputi jumlah jam pembelajaran keagamaan adalah 10 jam 40 minit seminggu berbanding SMK hanya 2 jam 40 minit. Hasil kajian menunjukkan faktor pengetahuan keagamaan atau lebih masa pengajian keagamaan mempunyai hubungan dengan remaja bercinta. Bagaimana pun perbezaan tidaklah terlalu besar ($\leq 6\%$).

Kedua-dua sekolah ini mempunyai persamaan dari sudut pengurusannya iaitu pentadbiran adalah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia atau kerajaan negeri. Guru atau ustaz/ustazah yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Mereka mempunyai pendapatan yang memuaskan, berstatus tetap dan skim kenaikan pangkat yang menarik.

Terdapat perbezaan yang ketara remaja bercinta antara sekolah jenis SMKA dan SMAS iaitu 55%. Secara tidak langsung dapat disimpulkan bahawa pelajar sekolah menengah agama swasta lebih berupaya tidak tercebak dalam remaja bercinta. Kajian perbandingan dalam Jadual 1 boleh dibuat kesimpulan bahawa SMAS mempunyai aktiviti kerohanian yang lebih banyak dan suasana persekitaran keagamaan yang lebih kondusif, yang memungkinkan pelajar tidak mudah terjebak remaja bercinta. Aktiviti dan suasana persekitaran yang baik lebih mempengaruhi mereka untuk tidak terjebak dalam remaja bercinta.

Faktor Utama Remaja Bercinta

Daripada sejumlah remaja bercinta, data dianalisa bagi melihat manakah faktor utama remaja bercinta. Jadual 4 menunjukkan peratusan faktor yang mempengaruhi remaja bercinta bagi kesemua sekolah. 70% daripada responden menyatakan keempat-empat faktor tersebut bukan menjadi faktor mengapa mereka bercinta. Jadual 4 menunjukkan faktor remaja bercinta mengikut keutamaan iaitu faktor diri (45%), diikuti media (33%), rakan (23%) dan keluarga (17%). Bagaimana pun peratusan tidak mempengaruhi terhadap keempat-empat faktor adalah jauh lebih besar daripada mempengaruhi. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa remaja bercinta lebih disebabkan faktor diri, daripada faktor luaran ini.

Jadual 4 Peratusan faktor mempengaruhi remaja bercinta bagi semua sekolah.

	Faktor (%)			
	Diri	Media	Rakan	Keluarga
Tidak Mempengaruhi (70%)	55	77	67	83
Mempengaruhi (30%)	45	33	23	17

Hasil analisa seterusnya adalah melihat faktor manakah yang paling mempengaruhi bagi jenis sekolah. Jadual 5 menunjukkan perbandingan empat faktor yang mempengaruhi remaja bercinta mengikut jenis sekolah. Berdasarkan faktor rakan, peratusan paling tinggi adalah bagi sekolah SMK (39%), berbanding dengan SMKA (21%) dan SMAS (14%).

JADUAL 5 Peratusan 4 Faktor Mempengaruhi Remaja Bercinta

Jenis Sekolah	Faktor Diri (%)		Faktor Media (%)		Faktor Rakan (%)		Faktor Keluarga (%)	
	TM	M	TM	M	TM	M	TM	M
SMK	47	53	60	40	66	39	89	11
SMKA	55	45	64	36	79	21	87	13
SMAS	64	36	75	25	86	14	82	18

Bagi faktor media pula, didapati peratusan paling tinggi adalah di sekolah SMK (40%), berbanding dengan SMKA (36%) dan SMAS (25%). Hasil kajian juga menunjukkan peratusan paling tinggi bagi faktor diri adalah di sekolah SMK (53%), berbanding dengan SMKA (45%) dan SMAS (36%). Faktor keluarga merupakan faktor yang paling kurang mempengaruhi remaja bercinta mengikut jenis sekolah. Ini dapat disimpulkan hanya segelintir sahaja remaja yang bercinta kerana mempunyai masalah dengan ibu bapa/keluarga mereka.

Analisa daripada dapatan keempat-empat faktor terhadap jenis sekolah mendapati bahawa kesemua sekolah mempunyai kadar peratusan yang sekata tentang keutamaan faktor yang mempengaruhi remaja bercinta iaitu faktor diri, media, rakan dan keluarga kecuali iaitu bagi faktor keluarga iaitu SMAS adalah melebihi daripada SMKA dan SMK tetapi dengan perbezaan nilai yang amat sedikit.

Pengaruh Remaja Bercinta Terhadap Pencapaian Akademik

Jadual 6 menunjukkan taburan peratusan pelajar bercinta berasaskan tahap pencapaian akademik di ketiga-tiga jenis sekolah. Ia menunjukkan bahawa di SMK, 30% remaja bercinta mencapai tahap akademik baik (lebih 70%), 60% sederhana (antara 50% hingga 69%) dan 10% sahaja dikategorikan lemah (bawah 49%). Bagi SMKA pula, 40% remaja bercinta mencapai tahap baik, 47% sederhana dan 13% lemah, manakala di SMAS, 30% remaja bercinta mencapai tahap akademik baik, 65% sederhana dan 5% lemah.

Analisis hasil dapatan menunjukkan bahawa secara keseluruhannya remaja bercinta pada masa kini tidak mempengaruhi pencapaian tahap akademik mereka. Ini bermaksud bahawa kini remaja bercinta tetapi masih mampu menunjukkan prestasi akademik yang baik, walaupun mereka bercinta.

JADUAL 6 Tahap Prestasi Akademik Terhadap Pelajar Bercinta

Jenis Sekolah	Tahap Prestasi Akademik (%)		
	>70	69>markah> 50	<49
SMK	30	60	10
SMKA	40	47	13
SMAS	30	65	5

Hasil analisis kajian dapat disimpulkan kepada tiga perkara secara tidak langsung. Pertama, lebih mendalam pembelajaran agama dipelajari di sekolah akan lebih memberi kesedaran kepada remaja untuk tidak bercinta. Ini jelas diperolehi daripada keputusan peratusan pelajar bercinta di SMK adalah tertinggi dan SMKA rendah sedikit. Lebih banyak aktiviti keagamaan dengan pemantauan dan bimbingan yang rapi dan berkala kepada pelajar membolehkan pelajar tidak mudah terjebak kepada masalah remaja bercinta. Ini diperolehi dari peratusan pelajar bercinta di SMAS yang paling rendah dan jauh berbezaannya jika dibandingkan dengan SMKA.

Kedua, daripada hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat pelbagai kemungkinan boleh disimpulkan jika dilihat dari sudut perbezaan kedua jenis sekolah ini. Di antara yang perbezaan yang jelas adalah dari sudut aktiviti rohani yang dijalankan dan suasana pembelajaran yang disediakan. Dari sudut aktiviti rohani yang asas adalah sama antara kedua sekolah ini, seperti jumlah jam pembelajaran keagamaan, ceramah, solat jamaah, qiam, nadwah secara berkala. Bagaimanapun ianya berbeza dari sudut kekerapan. Contohnya ceramah di SMKA biasanya dikendalikan sempena hari tertentu seperti Maulid Nabi, Israk Mikraj dan sebagainya tetapi di SMAS ceramah dikendalikan secara berkala setiap minggu. Di samping itu, satu perbezaan yang jelas di SMAS ialah dari segi perlaksanaan sistem mentor mentee. Sistem ini melantik pelajar berwibawa yang mempunyai sahsiah dan moral yang baik menjadi mentor kepada pelajar ditingkatan yang sama atau lebih rendah. Sistem mentor mentee ini merupakan perjumpaan mingguan selama lebih kurang 1-2 jam yang menyediakan ruang perbincangan kepada kefahaman aqidah dan kaedah perlaksanaan aqidah dalam kehidupan mereka. Pelajar yang dilantik sebagai mentor dibimbing oleh oleh ustaz/ustazah bagi membolehkan mereka menjadi mentor yang berkesan kepada junior dan rakannya. Kriteria utama seorang mentor dinilai dari sudut kefahaman aqidah yang jelas dan memaparkan akhlak yang baik.

Selain daripada itu SMAS juga mengamalkan suasana pembelajaran berasingan antara lelaki dan perempuan dalam kelas dan kebanyakan aktiviti luar seperti aktiviti sukan, kelab dan mentor mente. Aktiviti percampuran antara lelaki dan perempuan hanya terhad kepada aktiviti umum seperti ceramah, kuliah, majlis ibu bapa dan seumpamanya. Dengan ini suasana sedemikian memberikan ruang terhad untuk percampuran bebas antara lelaki dan perempuan tanpa berlaku pengasingan secara total.

Ketiga, selain daripada itu, satu faktor lagi yang membezakan antara sekolah SMKA dan SMAS adalah dari sudut guru-guru yang mengajar disekolah tersebut. Hasil temubual dengan guru-guru di SMAS, mereka ini mempunyai minat untuk mengajar di sekolah tersebut, tanpa mengira gaji yang diberi yang tidak setinggi dengan kelayakan mereka. Mereka juga mempunyai semangat yang tinggi untuk mendidik kefahaman Islam kepada pelajar mengikut acuan yang mereka yakini. Ini jelas sebagaimana sirah menunjukkan kejayaan Islam di peperangan Badr bukan disebabkan bilangan bala tentera, kelengkapan tetapi jelas dari pertolongan Allah

hasil daripada keikhlasan para tentera Islam. Oleh itu dalam mendidik manusia, faktor kualiti guru sangat penting dari segi kefahaman, kesedaran, keikhlasan dan kesungguhan bagi menghasilkan pendidikan yang berkualiti.

Kualiti kepada pemantauan dan bimbingan sangat penting bagi membolehkan pelajar memahami dan mempraktikkan ilmu yang diperoleh dalam kehidupan mereka. Ilmu keagamaan tidak sama seperti ilmu yang lain. Dari sudut teorinya ianya mudah difahami, tetapi dari sudut mempraktikkan ilmu tersebut atau menjadikan ilmu sebagai tindakan memerlukan bimbingan yang berkesan. Ini disebabkan kehidupan itu sangat kompleks dan terdiri daripada pelbagai cabaran untuk melaksanakannya termasuklah nafsu dan syaitan. Ini yang dikatakan sebagai ketara sadar. Hakikat ini seperti yang dinyatakan dalam surah al-Saff ayat 2-3, bermaksud “Wahai orang yang beriman, mengapa kalian mengatakan sesuatu yang tidak kalian kerjakan, sangatlah dibenci disisi Allah jika kalian mengatakan sesuatu yang tidak kalian kerjakan”.

Tafsiran ayat ini menjelaskan bahawa menjadi cabaran kepada manusia yang mengetahui sesuatu ilmu tetapi sukar untuk melaksanakan ilmu tersebut dalam kehidupan, sedangkan ilmu tidak dikatakan menjadi amal selagi ianya tidak dilaksanakan. Malah ianya hanya sebagai latihan minda sahaja *mental exercise*. Oleh itu, cabaran dalam pendidikan bagi membentuk pelajar yang faham dengan ilmu yang dipelajari memerlukan bimbingan dan *role model* yang praktikal dan bukan hanya teori sahaja. Barulah ilmu itu boleh membuahkkan amal. Kajian lepas membuktikan bahawa remaja bercinta sering mempengaruhi tahap pencapaian akademik mereka (Surianti 2004). Bagaimana pun kajian ini bertentangan dengan hasil kajian lepas bahawa remaja bercinta kini tidak mempengaruhi tahap akademik mereka. Pelbagai kemungkinan boleh disimpulkan mengapa keadaan ini berlaku. Di antaranya ialah kaedah pendidikan masa kini dengan adanya kemudahan yang pelbagai termasuk kelas tambahan dan penekanan yang tinggi oleh pihak sekolah terutamanya guru-guru dalam pencapaian akademik disekolah menyebabkan pelajar masih boleh menunjukkan prestasi akademik yang baik walaupun mereka sedang bercinta. Dari satu aspek dilihat secara positif bahawa remaja kini menunjukkan lebih cepat matang dalam permasalahan percintaan bila dikaitkan dengan tahap akademik. Bagaimana pun dalam aspek yang lain, hasil dapatan adalah membimbangkan. Ini disebabkan sekolah boleh melahirkan pelajar yang berkualiti dari segi akademik tetapi belum tentu berkualiti dari segi akhlak/moral mereka. Ini kerana remaja bercinta sering dikaitkan dengan aktiviti yang tidak bermoral, seperti dinyatakan dalam soal selidik. Contohnya pernah keluar menonton wayang bersama, bersiar-siar bersama, melihat video lucu, dan lainnya yang menggambarkan tindakan yang boleh membawa kepada masalah gejala sosial, jika tidak dikawal.

Kajian lepas menunjukkan pelajar universiti bercinta tidak mempengaruhi akademik mereka seperti kajian Halimatusyakhidiah (2005). Ini jelas disebabkan tahap matang mereka dalam bercinta dan dari sudut umur mereka telah menghampiri ambang perkahwinan. Bagaimana pun kajian oleh Umi Nadzrah (2012) menunjukkan

bahawa 14% pelajar di institut pendidikan guru telah melakukan perzinaan semasa bercinta. Kajian Umi Nadzrah (2012) menyokong hujah bahawa kejayaan akademik tidak menjamin kejayaan dalam moral/akhlak. Oleh itu hasil dapatan kajian ini amat membimbangkan kerana senario ini menunjukkan bahawa para ilmuan kini menghadapi masalah moral/akhlak. Masalah percintaan bukan satunya punca tetapi pelbagai faktor yang boleh dilihat di kajian masa hadapan.

Kajian ini juga mendapati bahawa faktor utama remaja bercinta adalah berpunca dari dirinya sendiri. Faktor luaran seperti keluarga, rakan dan media turut mempengaruhi tetapi tidak begitu besar peratusanya. Hasil kajian dapat disimpulkan bahawa remaja bercinta mengikut fitrah diri yang ingin bercinta berbanding faktor lain. Di sini dapat disimpulkan, bahawa remaja bercinta adalah disebabkan ketidakfahaman akan hakikat cinta dan kurangnya pengetahuan dalam mengurus rasa cinta dalam kehidupan remaja. Ini dapat di lihat pelajar yang mempunyai pengetahuan agama yang lebih banyak dan lebih banyak aktiviti keagamaan akan kurang terjebak dalam cinta remaja. Ini disebabkan pengetahuan keagamaan yang tinggi memberi kefahaman kepada hakikat cinta sebenar di sisi agama. Cinta sesama manusia dibenarkan dalam keadaan yang telah digariskan oleh syariat Islam. Fitrah cinta sesama manusia itu digunakan untuk mentaati Allah semata-mata, bukan hanya mengikuti nafsu semata-mata. Asas kefahaman ini memberi garis panduan kepada remaja supaya tidak bercinta sebelum ketika yang dibenarkan dalam syariat Islam. Cinta remaja lebih mudah membawa kepada kemungkaran sebagaimana dijelaskan dalam surah al-Israa' (17: 32) bermaksud "Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk".

RUJUKAN

- Abraham H. Maslow. 1970. *Motivational Personality*. New York: Harper & Row.
- Abdullah Nasih Ulwan. 1989. *Islam dan Cinta*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Abdullah Nasih Ulwan. 2007. *Cinta dalam pandangan Islam*. Terj. Bandung: Irsyad Baitus Salam.
- Alden, L.E., Beiling, P.J., & Meleshko, K.G.A. 1995. An Interpersonal Comparison of Depression and Social Anxiety. In Craig, K.D., & Dobson, K.S. (pnyt.). *Anxiety depression in adults and children*. Thousand Oaks CA: Sage
- Ahmad Nashib al-Mahamid. 2002. *Memadu Cinta di Taman Islam*. Indonesia: Pustaka Indonesia.
- Aida Adreena Shamsuddin. 2005. Hubungan Cinta Dalam Kalangan Remaja: Satu Tinjauan Kes Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abd Aziz Shah Kajang. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya

- ‘Aidh Abdullah al-Qarni. 2006. *Korban Cinta*. Terj. Bandung: Alif Media.
- Asyraf Abdul Rahman. 2006. *Cinta antara khayalan dan realitas*. Terj. al-Hubb baina al- Wahami wa al-Haqiqah. Jakarta: Najla Press.
- Azlan Hafeedz. 2008. Asmara Guru Pelatih, Ibu bapa gadis 18 tahun menangis di hadapan anggota penguat kuasa JHEAIK akibat malu. *Harian Metro*, 30 Disember.
- Chairil Ehsan. 2007. Formula Membanteras Jenayah. Dewan Masyarakat Bil 06. Jun: 66.
- Berk Laura E. 2007. *Development Through The Lifespan*, Fourth Edition, Pearson International Edition: 24- 362
- Bronfrenbrenner, U. 2005. *Making human beings human: biological perspectives on human development*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- David, O.S. & Jonathan, L.F. 1985. *Social Psychology*. Peplau: Prentice-Hall, Inc.
- Fadzilah Kamsah. 2011. *Menangani Anak Biadab*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Fadzilah Kamsah & Syaidatun Nazirah. 2008. *Psikologi Cinta*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Fadzilah Jabar. 2006. *2 Jiwa Satu Cinta*. Shah Alam: Alaf Dua Puluh Satu Sendirian Berhad.
- Fuad Hadinata Yaacob & Shamran Sarahan. 2009. Remaja Megah Tiada Dara Kutuk Rakan Masih Suci, *Harian Metro*, 4 Januari: 10.
- Freedman & Carlsmith. 1981. *Social Psychology*. 4nd edition. New Jersey: Prentice Hall.
- Halimatusyakdiah Bahari. 2005. Peranan Psikoterapi Islam dan Menangani Masalah Cinta Remaja. Latihan Ilmiah, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Hasnan Kasan. 2000. *Cinta dan Seks Menurut Perspektif Islam*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Hendrick, C., Hendrick S.S., & Dicke, A. 1998. The Love Attitudes Scale: Sort Form. *Journal of Social and Personal Relationships* 15 (2): 147-159.

- Hendrick, C. & Hendrick S.S. 1986. A Theory and Method of Love. *Journal of Personality and Social Psychology* 50: 392-402.
- Ibnu Qayyim al-Jauziyyah. 2003a. *Cinta dan Rindu Menurut al-Quran dan Sunah*. Kuala Lumpur: Al Baz Publishing & Distribution Sdn. Bhd.
- Ibnul Qayyim al-Jauziyyah. 2003a. *Penawar Hati yang Sakit*. Jakarta: Gema Insani.
- Jas Laile Suzana. 2008. *Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Selangor: Arah Publications.
- Kamus Dewan. 2005. Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairi Mohamad. 2009. Keluarga Restui Rauf Bangladesh. *Kosmo*, 24 Jan.
- Khairul Ghazali. 2009. *Berdialog dengan Allah di keheningan Malam*. Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd.
- Khaidzir Ismail, Jawiah Dakir, Fariza Md Sham & Hanina Hamsan. 2009. *Psikologi Islam Falsafah, Teori dan Aplikasi*. Bangi: Institut Islam Hadhari UKM.
- Ku Muhamad Asmadi Ku Mohd Saad & Nor Syahida Ahmad. 2009. *Tips Mutiara Motivasi Cinta Islam*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Lasswell, T.E & Lasswell, M.E. 1976. I love but I'm not love with you. Dlm. Martin, J.D, Blair, G.E, Nevels, R. & Fitzpatrick, J.H. (pnyt.). *A Study of relationship of style of loving and marital happiness*. *Psychological Reports* 66: hlm. 123-128. t.tp: t.pt.
- Luqman Hakim Ab Rahim. 2009. Pelajar ikut Rauf Bangladesh. *Kosmo*, 24 Januari.
- Mohamad Sofee Razak. 2009a. Anak kita dewasa sebelum masanya. *Harian Metro*, 3 Mac: 14.
- Mohamad Sofee. 2009b. Kekasih ketagih seks ugut klip bogel. *Harian Merto*, 3 Mac: 5.
- Mohd Zainuddin Surip. 2009. Pelajar koma dibelasah meninggal dunia. *Mahkamah & Jenayah. Sinar*, 22 Februari.
- Muhammad al-Ghazali. 2008. *Akhlak Seorang Muslim*. Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd.

- Muhsin Labib. 2004. *Jatuh Cinta: Puncak Pengalaman Mistis*. Jakarta: PT Lentera Basritama.
- Murthy Kavith, Rotzien Andrea & Vacha Tammi. 1996. Second-order Structure Underlying the Hendrick-Hendrick Love Attitude Scale. *Journal Educational and Psychological Measurement*: 108-121.
- M Sorihin Othman. 2009. Pelajar Hamil 4 Bulan Angkara Teman Lelaki Tak Maaf Sampai Mati. *Mingguan Warta Perdana*, 22 Februari.
- Nur Sharieza Ismail & Hasniza Hussain. 2010. Bayi atas tong sampah. *Sinar Harian*, 30 Jun: N14.
- Ramli Husin. 2009. Wanita, 4 lelaki ditangkap khalwat, suspek mengaku seorang sudah dilayan, tiga tunggu giliran. *Berita Harian*, 28 Jan.
- Robiah Kulop Hamzah. 1997. *Remaja dan Cabaran Hidup*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Robiah Kulop Hamzah. 2006. *Kenapa Perlu Bercinta*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Rohimuddin Nawawi. 2008. *Cinta di Ambang Perkahwinan*. Selangor: Penerbitan Dar Hakamah.
- Rubin, Z. 1973. *Liking and loving*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Said Hawa. 2008. *Jangan Melangkah Jauh daripada Kehidupan Dunia*. Selangor: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Siti Balkis Budin. 2007. Hati-hati dengan Penyakit Bawaan Seks. *Dewan Masyarakat*, 1 Jun.
- Sternberg R. J. 1994. *Pathways to Psychology*. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Sufean Hussin & Che Zainon Omar. 2002. *Masalah Remaja daripada Keluarga Ibu Tunggal, Siri Laporan Kajian Masyarakat*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Surianti Ahmad Kamsan. 2004. Sikap remaja terhadap cinta dan hubungannya dengan prestasi akademik. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syeikh Mutawally Sya'rawi. 2006. *Mencintai Allah Jalan Kebahagiaan Dunia dan Akhirat*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, hlm. 94.

Umathi Ramayah. 2009. Pelajar koma dibelasah meninggal dunia. *Mingguan Malaysia*, 22 Februari.

Umi Nadzrah Ali Othman. 2012. Corak Cinta Remaja dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru dan Hubungannya dengan Akademik serta Kualiti Keluarga. Disertasi Master, Universiti Malaya.